

DOMIL SUSPENSION

Domperidone (5mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Domil
2. Bagaimana Domil berfungsi
3. Sebelum mengambil Domil
4. Cara menggunakan Domil
5. Semasa menggunakan Domil
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Domil
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Domil

Untuk melegakan simptom loya dan muntah.

Bagaimana Domil berfungsi

Domperidone berfungsi dengan menghalang tindakan bahan kimia dalam otak yang menyebabkan rasa loya dan muntah.

Sebelum mengambil Domil

- Bila tidak boleh mengambil
 - Jika anda pernah mengalami reaksi alahan terhadap domperidone atau mana-mana bahan yang disenaraikan di hujung risalah ini.
 - Jika anda mempunyai ketumbuhan kelenjar pituitari (*prolactinoma*).
 - Jika anda pernah mempunyai masalah jantung termasuk kegagalan atau gangguan irama jantung termasuk denyutan jantung yang cepat atau lambat atau tidak teratur.
 - Jika anda mengambil ubat untuk masalah jantung.
 - Jika anda mempunyai penyakit yang menjejaskan sistem penghadaman, contohnya:
 - Usus tersumbat atau berlubang.
 - Najis berwarna hitam.
 - Jika anda mempunyai masalah hati, yang sederhana hingga teruk
- Sebelum mula mengambil

Domperidone hanya boleh digunakan semasa trimester pertama kehamilan apabila betul-betul diperlukan.

Sedikit domperidone akan dirembeskan dalam susu ibu. Oleh itu, jangan ambil ubat ini jika anda sedang menyusukan bayi melainkan diarahkan sebaliknya.

Maklumkan kepada doktor anda jika anda mempunyai masalah buah pinggang atau hati.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor anda jika anda mengambil sebarang ubat termasuk

- ubat antikolinergik
- ubat antikulat (cth. ketoconazole)
- ubat antibiotik (cth. erythromycin)
- antivirus yang juga dikenali sebagai perencat protease
- nefazodone, digunakan untuk kemurungan

Cara menggunakan Domil

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak ≥ 12 tahun dan berat ≥ 35 kg

10mL 3 hingga 4 kali sehari

Kanak-kanak berumur < 12 tahun dan berat ≥ 35 kg

Pengiraan dos oleh doktor berdasarkan berat badan

Kanak-kanak berumur < 12 tahun dan berat < 35 kg

Keberkesanan penggunaan Domil dalam kumpulan ini belum diketahui.

Jika anda mengalami kerosakan buah pinggang yang teruk, dos dan kekerapan dos mungkin perlu dikurangkan kepada sekali atau dua kali sehari bergantung pada tahap kerosakan.

- Bila perlu digunakan

Domil perlu diambil 3 atau 4 kali sehari, 15-30 minit sebelum makan.

- Berapa lama perlu digunakan

Biasanya, tempoh rawatan maksimum tidak boleh melebihi satu minggu. Jika

loya dan muntah berterusan selama lebih daripada satu minggu, berunding dengan doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk mengambil satu dos, ambil sebaik sahaja anda ingat. Walau bagaimanapun, jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal itu. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Domil

- Perkara yang perlu dilakukan

Kurangkan makanan ringan. Makanan ringan sering mengandungi banyak lemak, dan boleh membuat gejala anda lebih teruk.

Makan pada masa yang tetap. Makan tiga atau empat kali sehari, pada masa yang sama, dan dengan tidak tergesa-gesa menghabiskan makanan.. Goncang botol sebelum menggunakannya.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan ambil Domil selepas makan kerana penyerapan ubat mungkin tertangguh.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Kurangkan atau elakkan bahan yang mungkin menyebabkan rasa loya atau muntah seperti kopi, makanan berlemak atau alkohol.

DOMIL SUSPENSION

Domperidone (5mg/5ml)

Kesan-kesan sampingan

Kesan sampingan termasuk kekejangan perut sementara tetapi jarang berlaku.

Domperidone juga boleh menyebabkan kesan alergi atau rembesan dari payudara, dan dada bengkok (lelaki).

Kesan sampingan seperti degupan atau ritma jantung yang tidak teratur dan peningkatan degupan jantung jarang dilaporkan

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my (*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Domil

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.
Lindungi daripada cahaya.
Pastikan bekas tertutup rapat.
Jauhi daripada kanak-kanak

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Suspensi berwarna putih dengan rasa raspberi.

- Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif
Domperidone

-Bahan tidak aktif

Carboxymethylcellulose sodium, Sorbitol 70% solution, Methylparaben, Sodium citrate, Colloidal silicone dioxide, Dimethylpolysiloxane, Perisa raspberi, Polysorbate 80, Propylparaben, Air, Sodium saccharin..

- Nombor MAL:

MAL20034660AZ

Pengilang

Noripharma Sdn. Bhd.
Lot 5030, Jalan Teratai. 5½ Mile Off
Jalan Meru, 41050 Klang, Selangor,
Malaysia

Pemegang Pendaftaran Produk

Pahang Pharmacy Sdn. Bhd.
Lot 5979, Jalan Teratai, 5½ Mile Off
Jalan Meru, 41050 Klang, Selangor
Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

11/03/2024

Nombor Siri

NPRA(R4/1)070224/00018